

SULIT



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN XXXX  
KM 1, JALAN YONG PENG, 85400 CHAAH, SEGAMAT, JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025**

**1249/1**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**Ogos**

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- 1 Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



Apakah X?

- A Kerajaan
  - B Kedaulatan
  - C Wilayah Pengaruh
  - D Lambang Kebesaran
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat sanggup mematuhi segala arahan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka

- Apakah faktor yang mendorong tindakan tersebut?
- A Takut ditimpa tulah
  - B Peroleh perlindungan
  - C Jaminan keselamatan
  - D Dijatuhi hukuman penjara
- 3 Mengapa gerakan nasionalisme di China menentang pemerintahan Dinasti Manchu?
- A Fahaman komunis meningkat
  - B Gagal menghalang kuasa Barat
  - C Membenci golongan bangsawan
  - D Rakyat menanggung cukai yang tinggi

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 4 Akhbar Bahasa Inggeris seperti *The Malay Mail* dan *The Malayan Tribune* berusaha untuk mengasaskan dana bagi membantu orang Melayu.  
Apakah tujuan dana tersebut dikumpulkan?
- A Membantu membina sekolah Melayu  
B Membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara  
C Membantu orang Melayu memajukan penguasaan Bahasa Inggeris  
D Membantu orang Melayu membangunkan ekonomi orang Melayu
- 5 Mengapa Jerman melancarkan pengeboman terhadap Britain semasa Perang Dunia Kedua?
- A Menuntut tanah jajahan  
B Melumpuhkan ekonomi  
C Menguasai Eropah Timur  
D Membuktikan kekuatan tentera
- 6 Apakah kesan penggunaan mata wang Jepun yang dikenali “**Wang Pokok Pisang**”?
- A Ekonomi meningkat  
B Peningkatan inflasi  
C Harga barang rendah  
D Nilai mata wang tinggi

7

- Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja
- Kewarganegaraan *jus soli*

Berdasarkan maklumat di atas, yang manakah berkaitan dengan sistem pemerintahan British di Tanah Melayu?

- A Malayan Union  
B British Military Administration  
C Persekutuan Tanah Melayu 1948  
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

8 Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan di Sabah.

Mengapa penyerahan ini tidak mendapat tentangan?

- I British menjaga kebijakan penduduk
  - II Perbezaan etnik menyukarkan penyatuhan
  - III British memberi tekanan kepada kesedaran politik
  - IV Penduduk tempatan diberi peluang dalam pentadbiran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9 British telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946.

Apakah cadangan yang dikemukakan jawatankuasa tersebut?

- A Menubuhkan kerajaan pusat yang kuat
- B Mempercepatkan kemerdekaan negara
- C Memperketatkan syarat kewarganegaraan
- D Menyatukan Tanah Melayu dengan Singapura

10 Rakyat Raja mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang.

Apakah syarat untuk menjadi rakyat Raja?

- I Kuasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris
  - II Keluarganya rakyat tempatan
  - III Bertutur bahasa tempatan
  - IV Memahami adat resam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11 Gambar di bawah menunjukkan tindakan komunis di Tanah Melayu.



Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Menakutkan British
- B Mengukuhkan ideologi
- C Melumpuhkan ekonomi
- D Mengancam penduduk

12 British memperkasakan pasukan keselamatan tempatan untuk membanteras kegiatan komunis.

Apakah tugas Polis Hutan?

- A Membuat penyusupan dalam organisasi PKM
- B Menjadi barisan hadapan menghadapi komunis
- C Memusnahkan kem komunis dalam hutan
- D Membawa bekalan makanan kepada psukan bertugas

13 Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum (CLC).

Apakah kepentingan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Penyeragaman pentadbiran
- B Persefahaman pemimpin
- C Kesedaran berpolitik
- D Kerjasama antara persatuan

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 14 Mengapa Dato' Onn Jaafar menujuhkan *Independence of Malayan Party (IMP)* pada tahun 1951?
- A Menyatukan anak negeri  
B Menentang ancaman komunis  
C Mewujudkan perpaduan kaum  
D Memperjuang hak bumiputera
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan Pilihan Raya Umum pertama di negara kita.

<b>Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955</b>
• Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan
• Diisytiharkan oleh Sir Donald MacGillivray



Apakah kepentingan pilihan raya tersebut?

- A Menamatkan darurat  
B Merintis kemerdekaan negara  
C Melindungi kepentingan ekonomi  
D Mengukuhkan institusi sistem beraja
- 16 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?
- A Mengesahkan rang undang-undang  
B Meningkatkan hubungan diplomatik  
C Membincangkan urusan kewangan  
D Memperkenalkan hak kesamarataan
- 17 Antara berikut, yang manakah menjadi pilihan masyarakat dan pemimpin Tanah Melayu dalam terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?
- I Kedudukan raja Melayu dipelihara  
II Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja  
III Kepatuhan rakyat kepada demokrasi berparlimen  
IV Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan kaum lain
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

**18** Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merangka asas perlembagaan negara kita?

- I** Mengambil kira semangat kenegerian
- II** Menjalankan aktiviti menyebar luas maklumat
- III** Mempertimbangkan isu kepelbagaian kaum
- IV** Meneliti memorandum pelbagai pihak
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

**19** Apakah maksud kemerdekaan menurut pandangan Mahatma Gandhi?

- A** Bebas mengurus negara
- B** Kebebasan melalui politik
- C** Mewujudkan negara berdaulat
- D** Perjuangan menghadapi penjajah

**20** Maklumat berikut berkaitan kesan pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan

- Membina sebuah bangsa bagi negara yang Bersatu
  - Mengeluarkan Penyata Rahman Talib

Apakah elemen yang diberikan penekanan dalam menjalankan usaha tersebut?

- A** Mewujudkan Pusat Bahasa tempatan
- B** Menubuhkan Institusi Kajian Dasar Sosial
- C** Mengadakan kempen memperkayakan bahasa
- D** Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

- 21** Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.

Bahasa	Takrif kedaulatan
Bahasa Yunani	Agung atau tertinggi
Bahasa Melayu	Kekuasaan tertinggi
Bahasa Arab	Daulah

Apakah unsur persamaan berdasarkan takrif tersebut?

- A** Keluhuran perlembagaan
- B** Kebebasan asasi manusia
- C** Kewibawaan pemerintahan
- D** Kuasa pemerintahan tertinggi

- 22** Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan tanpa campur tangan pihak luar.

Apakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A** Jemaah Menteri
- B** Perpaduan rakyat
- C** Hubungan diplomatik
- D** Kemakmuran ekonomi

- 23**

Pada tahun 1948, undang-undang di Negeri-negeri Selat telah digubal oleh Majlis Undangan Negeri.

Apakah badan yang menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- A** Majlis Tertinggi
- B** Majlis Negeri
- C** Majlis Persekutuan
- D** Majlis Negara

- 24** Mengapa kandungan perlembagaan persekutuan mengambil kira ciri tradisional?

- A** Setia kepada Raja-Raja Melayu
- B** Mengelakkan warisan bangsa Melayu
- C** Mendapatkan sokongan orang Melayu
- D** Membebaskan diri daripada penjajahan

25 Selepas merdeka, keanggotaan Majlis Raja-Raja mengalami perubahan. Antara berikut, yang manakah keanggotaan Majlis Raja-Raja?

- I Menteri Besar
- II Perdana Menteri
- III Raja-Raja Melayu
- IV Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Mengapakah kebebasan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia tidak bersifat mutlak tetapi tertakluk kepada sekatan tertentu?

- A Mejamin keamanan dan kesejahteraan awam
- B Menjamin kerajaan dapat mengawal dan mendisiplinkan rakyat
- C Menjamin kemajuan ekonomi dan pembangunan yang berterusan
- D Menjamin pihak yang memerintah akan berkuasa selama-lamanya

27 Mengapakah kerajaan berbentuk Kesatuan 1946 gagal diteruskan oleh British?

- A Pindaan Perlembagaan negara
- B Meletusnya Perang Dunia Kedua
- C Bantahan daripada Raja-Raja Melayu
- D Pengisytiharan Undang-undang Darurat

28 Senarai berikut merupakan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Pembangunan sosioekonomi
- Pemuliharaan khazanah negara
- Menjamin keselamatan negara

Apakah iktibar daripada kerjasama tersebut?

- A Kepentingan mengembangkan tenaga dan fikiran
- B Kepentingan memelihara flora dan fauna
- C Mendahulukan kesejahteraan hidup
- D Memantapkan pertahanan negara secara bersama

- 29** Mengapakah pemimpin dan penduduk Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal?
- A** Mengelakkan pentadbiran yang sedia ada
  - B** Bimbang sumber ekonomi negeri dirampas
  - C** Mendapatkan kemerdekaan secara berasingan
  - D** Menganggap Malaysia sebagai penjajahan baru
- 30** Jadual berikut berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara Indonesia dan Malaysia.

<b>Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia - Malaysia</b>	
Tarikh	11 Ogos 1966
Tempat	Jakarta, Indonesia
Wakil Malaysia	Tun Abdul Razak
Wakil Indonesia	Adam Malik

Apakah kepentingan persetujuan tersebut?

- A** Menamatkan dasar konfrontasi
  - B** Memulakan hubungan diplomatik
  - C** Meningkatkan kerjasama ekonomi
  - D** Mengadakan latihan ketenteraan bersama
- 31** Mengapakah Singapura berpisah daripada Malaysia?
- A** Ancaman daripada parti komunis
  - B** Enggan mematuhi dasar kerajaan
  - C** Menentang pilihan raya negeri
  - D** Bantahan oleh Majlis Negeri
- 32** Maklumat berikut adalah isu pembangunan ekonomi negara.

Terlalu bergantung kepada eksport getah dan bijih timah.

Apakah tindakan kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A** Menggiatkan tanaman tradisional
- B** Meningkatkan penggunaan teknologi
- C** Mengeluarkan produk industri tempatan
- D** Menggiatkan tanaman kelapa sawit dan koko

- 33** Pasangan yang manakah menunjukkan perbezaan konsep perpaduan kaum dan integriti nasional?

	<b>Perpaduan Kaum</b>	<b>Integriti Nasional</b>
<b>A</b>	Keadaan ekonomi	Hak berpolitik
<b>B</b>	Rakyat pelbagai kaum hidup bersatu-padu	Rapatkan hubungan antara negeri dan wilayah
<b>C</b>	Menjamin keselamatan rakyat	Menjamin kedaulatan negara
<b>D</b>	Kerjasama pemimpin pelbagai kaum	Permuafakatan parti-parti politik

- 34** Senarai di bawah menunjukkan sekolah di Malaysia.

- Sekolah Seri Puteri
- Sekolah Alam Shah
- Kolej Sultan Abdul Halim

Apakah persamaan ketiga-tiga sekolah tersebut?

- A** Menempatkan pelajar golongan elit
- B** Menawarkan pelbagai kursus kemahiran
- C** Menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- D** Menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

- 35** Maklumat berikut berkaitan dengan pemilihan modal saham.

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Apakah tujuan syarikat pengurusan tersebut ditubuhkan?

- A** Memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad
- B** Menggalakkan kaum bukan bumiputera dalam pemilihan saham
- C** Memberi kemudahan pembayaran bil utiliti
- D** Memudahkan orang ramai menabung

**36** Antara berikut, yang manakah strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam pembangunan kemudahan fizikal?

- I** Melaksanakan program penanaman semula
  - II** Menyediakan kemudahan kredit kepada pemaju
  - III** Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar
  - IV** Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

**37** Senarai negara berikut telah menjalin hubungan luar dengan Malaysia sejak sekian lama.

- Turki
- Mesir
- Yaman
- Arab Saudi

Apakah faktor yang mempengaruhi hubungan luar tersebut?

- A** Ikatan budaya
- B** Ikatan sejarah
- C** Ikatan nasional
- D** Ikatan keagamaan

**38** MAPHILINDO merupakan gabungan Malaysia, Filipina dan Indonesia.

Apakah matlamat penubuhannya?

- A** Meningkatkan persefahaman
- B** Menghapuskan ancaman komunis
- C** Memajukan kegiatan perdagangan
- D** Membentuk pakatan tentera serantau

- 39** Maklumat berikut berkaitan dengan isu kemanusiaan dan keamanan yang melibatkan rakyat Malaysia.

- Isu Palestin
- Isu Syria
- Isu Tsunami di Aceh

Apakah nilai daripada penglibatan rakyat Malaysia dalam isu tersebut?

- A** Bertanggungjawab  
**B** Menghargai  
**C** Kegigihan  
**D** Prihatin
- 40** Malaysia tidak bersetuju kuasa besar dunia memiliki kuasa veto dalam pertubuhan dunia.  
Apakah alasan Malaysia?

- A** Memantapkan pentadbiran pertubuhan  
**B** Memudahkan mencapai keputusan  
**C** Kurangkan penyalahgunaan kuasa  
**D** Mengelakkan konflik antara negara

**KERTAS SOALAN TAMAT**